

## **Menungan Bulan Ramadān:**

# **Puasa Asas Pembinaan Keadilan Sosial**

Untuk menjamin keselamatan dan memimpin umat manusia menuju ke arah kebahagiaan hidup dan keluhuran budi pekertinya, Islam sebagai agama suci telah mengundang-undangkan kepada sekalian kaum Muslimin supaya memperbuat kebaikan dan menjauhkan kemungkar atau kejahatan. Perintah ini ada mengandungi manfaat kepada yang mematuhi, tegasnya, tidak ada satu undang-undang pun yang tidak mempunyai tujuan dan maslahat yang kembali kepada masyarakat ramai atau kepada yang menyandangkan sahaja. Satu daripada syariat Islam yang mesti dipatuhi ialah amalan puasa di bulan Ramadān al-Mubārak.

(Oleh: Rubani bin al-Haji Yusuf)

Firman Tuhan, maksudnya:  
“Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana yang telah diwajibkan ke atas umat-umat yang sebelum kamu mudah-mudahan kamu bertaqwa.”

Puasa atau *al-ṣiyām* maknanya pada *lughah* ialah: Menahan diri – dan pada istilah fikah: Menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa dengan niat-niat yang tertentu. Kalau dibandingkan dengan ibadah-ibadah yang lain maka terdapatlah bahawa puasalah ibadah yang paling besar pengorbanannya dan amat banyak godaan dan rintangan-rintangannya. Dan ia jugalah satu-satunya ibadah yang kuat pengaruhnya untuk melahirkan rasa keinsafan dan kesyukuran yang merupakan jalan yang ideal dan praktis bagi mewujudkan satu umat yang sihat dan masyarakat yang dinamis, berpadu serta bantu-membantu.

Di samping menahan derita kelaparan dan kehausan beberapa pengajaran yang yang<sup>1</sup> besar dapat kita rasai bagi menuju alam kerohanian, tasawuf,

pembersihan diri dan bertimbang rasa setelah bersedap-sedap dengan nikmat Tuhan seperti makan minum sepantas-puasnya selama sebelas bulan tiap-tiap tahun. Di sini dapatlah difaham bahawa tujuan diwajibkan berpuasa ke atas penganut-penganut Islam bukanlah kerana hendak menanggungkan bebanan mereka semata-mata, tetapi ialah bertujuan menguji diri dalam perjuangan-perjuangan yang lebih hebat daripada berjuang di medan perang yaitu melawan serangan hawa nafsu yang cuba merosakkan amalan-amalan yang suci juga melatih diri patuh kepada perintah Tuhannya. Dan berkurban tenaga, fiziran dan harta benda – serta bersabar untuk mengurangkan tuntutan nafsu tamak dengan menderita kelaparan dan kepahitannya. Bila semangat ini telah tertanam teguh dihati tiap-tiap Muslim bererti ia telah berjaya dalam perjuangannya sebagai seorang Islam yang berjiwa tinggi sehingga ia menghadapi kedatangan bulan Ramadān itu

dengan senang hati dan menyambutnya dengan rasa penuh tanggungjawab.

Rasulullah ada membayangkan bentuk setengah-setengah orang yang tidak mendapat hidayah tuhan, dan yang tidak diiringi dengan keikhlasan (yang menjadi roh segala amalan-amalan), sabdanya, bermaksud: ‘Berapa ramai orang yang berpuasa, yang tidak menerima sesuatu kecuali lapar dan dahaga. Dan berapa ramai orang yang bersembahyang malam tetapi tidak mendapat apa-apa hasil dari perbuatannya selain daripada mengantuk semata-mata.’ Dari hadith ini fahamlah kita bahawa segala suruhan-suruhan agama itu tidaklah seharusnya dilakukan hanya sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja atau kerana tujuan-tujuan yang tidak wajar mengikut kaca mata Islam seperti bertakbur, menunjuk-nunjuk atau lain-lainnya. Tetapi untuk menuju ke matlamat yang selaras dengan kehendak yang sebenarnya setiap kerja ibadah kita perlu dipupuk dan dijiwai dengan niat yang ikhlas, reda dan taat yang

<sup>1</sup> Pengulangan perkataan yang.

### \*Puasa Asas Pembina...\*

kesemuanya ini boleh dianggap membawa kepada sahnya setiap perbuatan. Dalam hubungan ini Nabi Besar kita ada bersabda, maksudnya: "Barangsiapa berpuasa bulan Ramaḍān dengan tulus ikhlas maka diampunkan dosanya yang telah lalu dan yang akan datang."

Kalau ditinjau dengan teliti perhubungan di antara puasa dan pembangunan masyarakat manusia, juga kehidupan sehari-hari maka ternampaklah beberapa jalinan halus yang menghubungkan antara keduanya dalam menguatkan ikatan perpaduan sesama anggota-anggotanya untuk menyambungkan perasaan kasih mesra disamping mengabungkan diri dalam persatuan tolong-menolong dan mentawhidkan Tuhan yang Maha Esa. Kerana satu hal yang tidak dapat dinafikan, bahawa masyarakat yang benar-benar waras dan dinamik tidak akan wujud kalau tiap-tiap seorang daripada anggota-anggotanya tidak diberi kesedaran, keinsafan dan semangat berat sama dipikul ringan sama dijinjing di samping dijalankan lunas-lunas keadilan di segala aspek kehidupan mereka.

Hanya dengan ibadah puasalah maksud-maksudnya tersebut dapat terlaksana. Umpamanya. **Pertama:** Perintah puasa adalah menyeluruhi semua lapisan mukalaf, tua muda, miskin kaya dan lelaki perempuan. Seorang yang kaya-raya apabila merasai penderitaan kerana kelaparan dan kehausan kerana puasanya, maka terbitlah dihati

kecilnya perasaan yang mendorongnya supaya mengenangkan betapa pahit getirnya kehidupan orang-orang yang sentiasa berada di pintu kebuluran dan nasibnya bergantung kepada belas ihsan orang yang mahu bersimpati kepadanya. Dengan demikian si kaya tidaklah terus mendongak, bertakbur lantaran kekayaannya, tetapi akan bersyukur, *khudū'* dan menghormati saudaranya yang menderita itu. Kesedaran inilah yang mendesaknya suka bergaul rapat dengan mereka-mereka yang kurang berasib baik dalam sumber-sumber mata pencarinya.

**Kedua:** Bagi yang uzur tidak berdaya mengerjakannya seperti si sakit, perempuan yang menyusukan anaknya, orang yang musafir (dengan cukup syarat-syaratnya) diharuskan berbuka dan *mengada'*nya, hukuman tersebut bolehlah dianggap sebagai tolak ansur Islam kepada mereka hingga tidaklah berlaku apa-apa pengkhianatan terhadap keadilannya dan tidaklah lahir tuduhan-tuduhan yang mengatakan Islam tidak boleh menyesuaikan dirinya dengan keadaan masa dan tempat. Dengan ini juga tidaklah tergenda kerja-kerja mereka untuk menjaga maslahat diri, keluarga, serta menolong tugas-tugas yang dihadapi oleh masyarakat di sekeliling.

**Ketiga:** Kepada mereka yang tidak berdaya membayar puasa yang ditinggalkannya diwajibkan pula membayar *fidyah* (satu cupak makanan tiap-tiap hari) sebagai tebusan puasanya. Makanan tersebut dibahagi-bahagikan kepada fakir miskin. Ini juga merupakan asas yang

penting bagi menegakkan kukuhnya hidup bermasyarakat, dengan berbuat demikian sekurang-kurangnya fakir miskin dapat mengurangkan penderitaannya dan tidaklah menanggung kepahitan hidup atau menadahkan kedua-dua tangannya di pinggir-pinggir jalan terus-menerus. Dan kedua-dua pihak tentunya akan berterima kasih dan bersyukur kepada Tuhan 'Azza wa Jalla yang meringankan tanggungjawab dan bebanan-bebanan yang tidak terdaya mereka memikulnya kecuali dengan iman dan kesabaran

**Keempat:** Sesudah selesai menunaikan puasa selama sebulan disuruh pula kita mengeluarkan zakat fitrah ke atas tiap-tiap Muslim lelaki atau perempuan, merdeka atau hamba, kecil atau besar, hasil zakat ini dibahagikan kepada yang berhak menerimanya seperti fakir, miskin, anak-anak yatim, orang yang berhutang kerana tujuan-tujuan agama atau lainnya dari golongan-golongan yang diluluskan oleh syarak menerimanya. Untuk membangunkan keadilan sosialnya Islam ada mengkanunkan undang-undang orang yang miskin ada mempunyai sebahagian daripada hak-haknya yang tertentu atas harta orang-orang yang kaya. Apabila asas-asas tersebut dapat dilaksanakan maka lenyaplah perasaan dendam khianat, iri hati yang terpendam di hati mereka-mereka yang menderita dan kehidupannya seperti kais pagi makan pagi kais petang makan petang. Malahan sebaliknya lahirlah satu ingatan bersaudara, bahu-membahu antara sesama mereka hingga yang lemah memandang yang kuat sebagai saudara yang

#### \* Puasa Asas Pembina...\*

dihormatinya, dan yang kaya menjadikan si miskin seperti sahabat yang mesti ditolongnya setiap masa. Banyak ayāt al-Qur'an yang mengalakkan kita berbuat demikian, antaranya: Firman yang bererti: "Bertolong-tolonglah kamu atas jalan kebajikan dan taqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan atas kejahatan dan permusuhan."

Tujuan penting zakat ini ialah kerana memandangkan maslahat bersama yaitu supaya semua orang yang berpuasa, kaya miskin, dapat bersama-sama merayakan dengan gembiranya hari besar mereka yang ditungguannya dengan penuh sabar dan yakin iaitu fajar 1 Shawwal yang mulia. Inilah satu-satunya cara yang benar-benar berkesan dan praktis yang diajarkan oleh Islam bagi membulatkan dan menyatukan perpecahan di beberapa golongan dan peringkat yang terdapat di setengah-setengah masyarakat yang memandang hina terhadap orang-orang miskin atau menganggapnya tidak layak bergaul bersama-sama yang berharta. Tetapi Islam tetap memandang hina sama sahaja taraf dan kedudukannya, mereka adalah hamba-hamba Tuhan yang dijadikannya dari bahan yang satu yaitulah tanah, dan dari keturunan yang sama iaitu Nabi Allah Adam 'alayhi al-salām. Perbezaan mereka hanyalah terdapat dari segi keimanan dan taqwanya terhadap Tuhanya sebagaimana firman Tuhan yang bermaksud: "Bahawasanya orang yang paling mulia di sisi Tuhanya ialah orang yang lebih bertaqwa antara kamu." Kerana ini

Rasulullah dalam tugasnya telah meleburkan fikiran dan fahaman yang cuba mengkasta-kastakan (mempuak-puakkan) bani insan yang mana perbuatan ini adalah dipusakai oleh kaum Jahiliyyah sejak bertahun-tahun yang lalu, dan menyatukan mereka ke dalam satu ikatan persaudaraan yang tunduk di bawah naungan kalimah "*Lā illā illā Allāh Muḥammad Rasūlullāh*" tanpa mengira jenis dan keturunannya.

**Kelima:** Pada pagi Shawwal pula kita diarahkan supaya mengerjakan Sembahyang Sunat Hari Raya (Aidil Fitri) dan merayakannya dengan penuh riang gembira sambil melaungkan suara bertakbir memuji kebesaran Tuhan Pencipta alam. Di samping itu, digalakan mereka ziarah-menziarahi untuk menghubungkan kembali silaturrahim yang jauh atau yang terputus dan bersalam-salaman memohon maaf atas kesalahan masing-masing demi menjernihkan semula kekeruhan dan prasangka yang kurang manis terhadap sesama Muslim. Dengan adanya perasaan ini mereka berjaya mengerakkan perhubungan persefahaman dan melupakan kisah-kisah yang tidak diingini dan berikrar menuju kehidupan di hari mukanya dengan tekad yang satu dan azam yang sama.

**Keenam:** Orang yang berpuasa semata-mata taatkan perintah Tuhan dan berharap kepada keredaan-Nya dan tidak berlebih-lebihan menjamu seleranya semasa berbuka atau bersahur dengan makanan-makanan yang banyak dan enak-enak maka tentulah kedudukan kewangannya terselamat, tidak membazir, dan ekonominya terjamin atau diambil sebahagian daripada perbelanjaan

itu untuk keperluan, yang lain atau kegunaan kaum keluarganya atau bangsanya. Begitu juga masa lapangnya tidaklah terbuang sia-sia atau habis kerana memuaskan kehendak nafsu tamaknya sahaja. Dalam hubungan ini Tuhan ada mensarankan kita, maksudnya: "Makan dan minumlah kamu dan jangan melampau-lampau (melebihi batasan). Bahawasanya Tuhan tidak suka orang-orang yang melampau".

**Ketujuh:** Dengan meninggalkan makan minum di siang hari bulan Ramadān itu bererti akan memberi peluang rehat seperti membolehkan tenaga enjin dalam perut (*ma'idah*) setelah jenteranya bekerja keras siang malam selama hampir setahun. Maka dengan demikian terhindarlah mereka daripada penyakit-penyakit yang mana punca-puncanya adalah berasal dari perut yang sentiasa penuh dengan berbagai-bagai jenis makanan. Kebanyakan-kebanyakan<sup>2</sup> ini telah diakui oleh ramai doktor-doktor atau pakar-pakar perubatan. Tiap-tiap masyarakat amat memerlukan kesihatan anggotan-anggotanya – keutuhan mereka adalah keutuhan masyarakat itu, sekiranya mereka yang dianggap pencipta dan tegak pada kemajuannya berada di dalam kecergasan tubuh badannya dan cerdas akal fikirannya maka mudahlah ia akan maju dalam cita-citanya dan hidup dalam keadaan yang segar dan harmoni – tetapi andainya mereka seringkali dihantar ke rumah sakit atau berulang-alik berjumpa doktor-doktor maka janganlah diharap masyarakat itu akan bergerak ke hadapan meskipun pertolongan, bantuan-bantuan diberikan kepada mereka.

<sup>2</sup> Perkataan sebenarnya adalah kebaikan-kebaikan.

### \*Puasa Asas Pembina...\*

Rasulullah pernah memuji orang yang sentiasa mengambil berat tentang kesihatannya, sabdanya yang bermaksud: "Orang-orang Mukmin yang kuat (gagah) adalah lebih baik daripada orang-orang Mukmin yang lemah dalam semua hal."

**Kedelapan:** Krisis moral muda-mudi yang menjadi perbincangan hangat di tanah air kita hari ini adalah berpuncak dari pergaulan yang terlalu bebas dan liar, selain daripada kurangnya didikan rohani, akhlak yang baik hingga mereka tidak dapat membezakan batasan-batasan yang boleh atau yang tidak boleh dilaluinya. Tetapi

dengan berpuasa segala kehendak dan keganasan mereka didorongkan oleh kebuasan shahwatnya akan dapat dihindarkan yaitu dengan tersekatnya niat jahat naluri kejantinaannya dan dengan adanya didikan suci dan sopan-santunnya yang tinggi yang terdapat dalam ibadah ini untuk membentuk setiap peribadi yang luhur.

Selain daripada hikmah-hikmah yang telah dipaparkan di atas, banyak lagi rahsia-rahsia yang tersebunyi semasa mengerjakan ibadah puasa seperti antaranya: Melazimkan diri mematuhi perintah Tuhan meskipun menempuh cubaan dan kesukaran-kesukaran, dan bukan sahaja menahan diri dari makan

minum tetapi juga daripada larangan-larangan yang boleh mengurangkan ganjarannya sehingga tertanamlah di dalam hatinya ingatan puasa kerana Allah dan makan kerana Allah, di samping menahan sabar tatkala ditimpa dugaan-dugaan hidup dan kepahitan-kepahitannya.

Kita berkeyakinan penuh bahawa semua perintah Tuhan yang diturunkan ke alam jagat dengan melalui perantaraan nabi pilihan-Nya adalah bersesuaian dengan kehendak dan kesanggupan manusia. Maka mustahillah perintah puasa ini berlawanan dengan sifat tabii mereka, kerana Tuhan Maha Adil dan tidak pernah melakukan sebarang kezaliman ke atas hamba-Nya.



Johan Kebangsaan Pertandingan Berzanji (Perempuan) Cik Hasnah binti Ismail sedang menerima hadiah daripada Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong di dalam perayaan mawlid al-Nabī di Kuala Lumpur.